



PENUNTUT daripada kelab rakan siswa UPM bergambar bersama anak yatim dalam program mesra bersama penghuni Rumah Bakti Nur Syaheera, Cheras.

Tersentuh si yatim cekal

Kuala Lumpur: "Hati saya tersentuh dan insaf melihat wajah anak yatim ini, dalam usia mentah mereka cekal berdepan realiti tanpa kasih sayang ayah dan ibu.

"Saya harap dengan kedatangan kami ke sini memberikan sedikit keceriaan buat mereka," kata Muhamad Azri, 22, yang menyertai Program Mesra Bersama Penghuni Rumah Bakti Nur Syaheera, Cheras, baru-baru ini.

Program berkenaan dianjurkan Kelab Rakan Siswa (KRS) Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membentuk sikap mahasiswa membantu masyarakat, bijak mengurus masa dan emosi,

kepemimpinan dan berkomunikasi dengan dunia luar.

Muhamad Azri yang juga Pengarah Latihan Asas Fasilitator (BTOF) KRS berkata, dia berjanji akan menamatkan pengajian dengan jayanya sebagai hadiah kepada keluarganya.

"Program ini memberikan kesedaran betapa saya amat bertuah dalam dunia ini berbanding mereka (anak yatim), jadi saya nekad belajar bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam hidup," katanya.

Seramai 30 penuntut UPM menyertai program berkenaan dengan menggunakan kesan psikologi bagi mewu-

judkan rasa menghiburkan dalam kalangan anak yatim itu.

Penasihat KRS Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, mereka menggunakan terapi boneka sebagai proses kaunseling ekspresif iaitu integrasi kemahiran kaunseling dan terapi seni ekspresif.

"Kaedah ini dipelbagaikan bagi memberikan sentuhan psikologi berbeza, seronok, tepat dan ekspresif kepada penghuni.

"Pada masa sama, penghuni juga diberikan sentuhan spiritual menerusi pendekatan aktiviti menarik dan modul bersesuaian," katanya.